

24/06/2001

Kalau wanita tekun, berilah mereka peluang

MINGGU ini Kiau hendak cakap sikit mengenai ucapan Presiden Umno di perhimpunan agung parti itu Khamis lalu dan perihal Presiden Pas yang sudah jadi 'fair dinkum'.

Apa yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata dalam ucapannya yang panjang lebar itu bukanlah perkara baru atau perkara asing kepada Umno, orang Melayu dan Malaysia.

Dr Mahathir sekadar ulang amaran-amaran dan nasihat-nasihat yang telah dia buat sejak jadi ahli politik lebih 40 tahun lalu.

Masa menuntut ilmu kedoktoran di Universiti Malaya yang pada waktu itu bertempat di Singapura lagi, Dr Mahathir sudah mula menulis tentang baik buruk orang Melayu.

Dari awal lagi dia tengok macam mana orang Melayu sangat mudah serah kepada nasib dan cepat lupa bila keadaan baik. Tapi bila keadaan jadi buruk, mereka salahkan orang lain. Mereka serah kepada takdir. Jarang sangat mereka tengok ke dalam diri sendiri dan cari asal usul masalah mereka.

Orang Melayu cepat lupa sejarah dan mudah percaya kepada cogan kata. Orang Melayu lekas puas hati dan orang Melayu juga lekas meragam.

Tapi Kiau rasa ada baiknya pada ciri-ciri ini. Antaranya ialah buat sekian lama orang Melayu sokong Umno bulat-bulat. Untuk sekian lama orang Melayu dengar cakap pemimpin dan pemerintah. Dan orang Melayu terima dengan hati terbuka hakikat bahawa mereka lebih lemah dan lebih daif daripada kaum-kaum lain.

Soal pelajar Melayu lemah di universiti bukanlah perkara baru. Kiau sudah berpuluh kali kata, kalau tidak kerana Dasar Ekonomi Baru dan kuota kemasukan ke universiti, tidak ramai pelajar Melayu dapat masuk universiti.

Tapi kerana kuota, biasiswa, dermasiswa, pinjaman Mara, mereka yang tidak layak masuk universiti pun dapat masuk universiti. Jadi belajar di universiti bukan lagi keistimewaan tapi dah jadi macam hak.

Memang sudah jadi tabiat manusia, sesuatu yang didapati dengan mudah selalunya tidak dihargai. Maka timbullah masalah pelajar Melayu tidak menghargai peluang mereka ke universiti.

Bila masuk universiti, mereka belajar sambil lewa sahaja. Mereka berfoya-foya dan main politik kampung di kampus. Kiau tidak hairan dan Kiau tidak sedikit pun bimbang kalau hari ini lebih ramai pelajar wanita Melayu di universiti daripada lelaki.

Kiau sudah banyak kali kata, pelajar wanita lebih cepat matang, lebih tekun dan lebih fokus. Mereka tahu apa yang mereka mahu dan mereka kerja kuat untuk dapatkan apa yang mereka mahu.

Jadi Kiau harap pemimpin-pemimpin Melayu, tidak kira dalam Umno atau Pas, janganlah taksub sangat mengenai jantan dan betina. Kalau wanita sudah pandai, sudah berkebolehan, apa pasal kita hendak sekat kemaraan mereka.

Yang salah bukan mereka. Yang salah orang lelaki yang malas dan bersikap sambil lewa.

Tapi malangnya kita tengok dalam Umno pun tidaklah berapa banyak sangat pemimpin wanita, apatah lagilah dalam Pas. Cakap saja hendak beri peluang kepada muslimat, tapi dalam muktamar Pas baru-baru ini muslimat jadi warga kelas dua.

Tak tahulah Kiau kalau ada pemimpin Umno dan Pas yang mentakrifkan al-

Quran sebagai menyekat atau tidak beri hak kepada wanita. Yang Kiau tahu, dalam al-Quran banyak cerita dan kisah pengorbanan dan keagungan wanita.

Mengenai Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pula, dia sudah jadi `fair dinkum', sudah jadi `mate' kepada orang putih di Australia.

Dia bukan setakat melawat Australia tapi sudah bawa pula cerita mengenai tanah air kita kepada pemimpin Australia.

Kiau tidak kata Fadzil tidak boleh lawat Australia. Pepatah Melayu ada berkata, jauh perjalanan luas pemandangan. Kalau tidak cukup dengan melawat Australia, Kiau cadangkan Fadzil lawatlah Las Vegas dan Amsterdam.

Yang jadi tanda tanya ialah fahamkah Fadzil politik orang asing? Tahukah Fadzil tentang ada undang di sebalik batu?

Kita semua tahu sikap Australia terhadap negara-negara Asia. Selepas berjaya menggembar-gemburkan isu Timor Timur, Australia sekarang berasa dirinya sebagai kuasa besar di Asia.

Kiau tidaklah mahu pertikai kemampuan Fadzil berbincang dengan pemimpin asing. Boleh jadi dia ada jurubahasa dan penasihat yang bagus. Tapi yang Kiau bimbang ialah Pas sebenarnya berlumba-lumba dengan Keadilan dapatkan sokongan luar.

Kita semua tahu dari awal lagi Keadilan bergantung kepada negara-negara asing untuk sokong mereka. Ada pemimpinnya yang lari ke negara-negara jiran.

Kiau takut dalam perlumbaan di antara Pas dengan Keadilan untuk jadi jurucakap Barisan Alternatif di luar negara, nama baik negara akan tercemar. Rahsia-rahsia kita akan terdedah. Akhirnya kerana politik tempatan, negara kita akan dijajah sekali lagi.

Tapi kalau ditakdirkan Fadzil jadi Perdana Menteri, Kiau tidak akan kata apa-apa. Jelajahlah dunia sesuka hati. Maklumlah pemimpin mana yang tidak mahu disanjung dan dijulung.

Manusia sama saja. Ada nafsu. Ada keinginan. Ada cita-cita. Fadzil tentulah tidak terkecuali. Lagi alim seseorang, lagi hebat ujiannya.

(END)